A

Pendakwa Raya lwn Yahaya bin Selaman

MAHKAMAH TINGGI (ALOR SETAR) — RAYUAN JENAYAH N0 41–51 TAHUN 2003

B ZAINAL ADZAM H

26 APRIL 2005

Acara Jenayah — Hukuman — Hukuman setimpal — Jenayah keji terhadap kanak-kanak — Sama ada hukuman berat harus dijatuhkan kerana kepentingan awam

C *— Sama ada maruah tertuduh atau maruah mangsa harus diambil kira*

Acara Jenayah — Hukuman — Hukuman setimpal — Jenayah keji terhadap kanak-kanak — Sama ada umur dan kesihatan tertuduh harus diambil kira

D

Acara Jenayah — Hukuman — Hukuman setimpal — Sama ada mahkamah boleh masuk campur pada peringkat rayuan

Acara Jenayah — Hukuman — Pengakuan bersalah — Sama ada hukuman tertuduh

E *boleh diringankan sekiranya pengakuannya tiada pembelaan*

Acara Jenayah — Hukuman — Pengakuan bersalah — Sama ada pengakuan bersalah sahaja membolehkan tertuduh dikenakan hukuman ringan atau fakta-fakta lain harus diambil kira

F

Responden dalam kes ini telah dihadapi dengan pertuduhan di bawah s 354 Kanun Keseksaan kerana menggunakan kekerasan jenayah ke atas seorang kanak-kanak berumur tiga tahun dengan niat untuk mencabul kehormatan kanak-kanak tersebut.

G Responden telah mengaku salah kepada pertuduhan tersebut dan telah juga mengakui fakta kes yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan termasuk gambar-gambar tempat kejadian, rajah kasar dan laporan pemeriksaan doktor ke atas mangsa. Majistret telah mendapati responden bersalah dan telah sabitkannya atas pertuduhan tersebut. Responden yang tidak diwakili oleh peguambela telah merayu

H kepada majistret untuk dijatuhkan hukuman ringan kerana dia mengidapi sakit jantung serta darah tinggi. Responden telah dihukum penjara satu hari dan denda RM4,000 jika ingkar dua bulan penjara. Pihak pendakwa raya tidak berpuas hati dan telah memfailkan rayuan ini. Alasan-alasan pihak pendakwa raya tidak berpuas hati dengan hukuman dan alasan penghakiman majistret, dengan ringkas, adalah: (i)

I hukuman yang dikenakan terlalu ringan; (ii) tidak mematuhi peruntukan s 354 Kanun Keseksaan; (iii) kesalahan yang serious; (iv) kesalahan seksual; (v) mempertimbangkan kedudukan responden melebihi kepentingan awam; dan (vi) responden adalah datuk kandung kepada mangsa dan mangsa hanya berumur tiga tahun.

Diputuskan, rayuan dibenarkan, hukuman majistret dibatalkan dan responden dihukum penjara enam tahun:

(1) Pada peringkat rayuan, mahkamah akan hanya campur tangan atau menggantikan hukuman yang telah dikenakan oleh mahkamah majistret apabila didapati bahawa mahkamah majistret telah tersilap daripada segi prinsip dalam menjatuhkan hukuman yang dikenakan. Antara keadaannya ialah: hukuman yang nyata terlalu ringan atau terlalu berat, kegagalan rmengambil kira faktor-faktor yang relevan sama ada menyebelahi tertuduh atau sebaliknya, dan keadilan nyata tidak dilakukan (lihat perenggan 3).

(2) Pengakuan salah perlu diambil kira dengan lain-lain fakta dan keadaan yang relevan yang wujud dalam kes berkenaan. Sekiranya pengakuan salah adalah akibat tertuduh memang tidak ada apa-apa pembelaan, pengakuan salah olehnya tidak merupakan perkara yang boleh meringankan hukuman. Pengakuan salah juga akan hanya memihak kepada tertuduh sekiranya semua fakta-fakta dan keadaan mengenai kesalahan yang dilakukannya membenarkan mahkamah berbuat demikian (lihat perenggan 4); *Public Prosecutor v Govindnan a/l Chinden Nair* [1998] 2 MLJ 181 (lihat perenggan 4).

(3) Orang yang sanggup melakukan kesalahan sedemikian semata-mata untuk menjamu nafsunya ke atas cucunya sendiri yang berumur hanya tiga tahun jelas merupakan orang yang langsung tidak bermaruah (lihat perenggan 5).

(4) Mengenai kepentingan awam, majistret langsung tidak mengambil kira kedudukan mangsa yang merupakan cucu responden yang hanya berumur tiga tahun semasa kejadian. Walaupun majistret telah menyatakan perkataan-perkataan 'kepentingan awam' tiga kali dalam alasan penghakimannya, keseluruhan alasan penghakimannya hanya mengambil kira kepentingan responden sahaja. Di sisi undang-undang, kanak-kanak diberi kedudukan istimewa dan dilindungi secara komprehensif daripada semua segi (lihat perenggan 6).

(5) Kanak-kanak merupakan harapan dan masa hadapan sesebuah negara. Mereka merupakan golongan yang paling terdedah dan tidak mampu melindungi diri daripada perbuatan-perbuatan yang tidak diingini serta penganiayaan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Mahkamah perlu mengambil pengiktirafan kehakiman bahawa kesalahan seksual ke atas kanak-kanak semestinya merupakan daripada segi kepentingan awam satu kesalahan yang amat serius (lihat perenggan 6–7).

(6) Dalam keadaan kes ini adalah jelas bahawa majistret telah salah arah dalam pertimbangannya. Yang patut diambil kira ialah maruah mangsa yang dicabuli oleh responden dan bukan sebaliknya kepentingan responden yang merupakan seorang yang tidak bermaruah (lihat perenggan 8).

(7) Majistret juga telah mengambil kira umur dan keadaan kesihatan responden dalam meringankan hukuman. Semasa melakukan kesalahan tersebut responden sendiri menyedari keadaan kesihatannya tetapi masih sanggup melakukan kesalahan tersebut. Oleh yang demikian responden sepatutnya sanggup juga menghadapi hukuman yang akan dikenakan bagi kesalahan itu di sisi undang-undang. Jika umur yang lanjut dan keadaan kesihatan diterima sebagai unsur meringankan hukuman, mahkamah akan memberi gambaran

dan isyarat yang salah kepada masyarakat umum bahawa orang-orang tua dan uzur diberi keistimewaan khas jika disabit atas apa-apa kesalahan. Sepatutnya umur tua akan membuat seseorang itu lebih matang daripada segi pemikiran dan kelakuannya (lihat perenggan 9).

(8) Responden bukan seorang remaja yang boleh dianggap oleh mahkamah masih belum matang daripada segi pemikiran dan pengalaman. Mahkamah boleh memberi pertimbangan kesalahan-kesalahan oleh para remaja bagi tujuan memberi peluang mereka memperbetulkan akhlak mereka supaya kembali ke pangkuan masyarakat dengan bantuan supaya menukarkan cara hidup dan menghapuskan kecenderongan berjenayah. Tetapi bagi seorang yang berumur melebihi enam puluh tahun, jika pada tahap umur sedemikian responden sanggup melakukan kesalahan, lebih-lebih lagi kesalahan yang keji, unsur pemulihan telah terlalu lewat untuk diambil kira dan pertimbangan pemikiran yang tidak matang tidak terpakai (lihat perenggan 10).

[English summary

The respondent in this case was faced with an accusation under s 354 of the Penal Code because of criminal violence and abuse on a three year old child with intention of molesting the said child. The respondent pleaded guilty to the said accusation and also admitted facts to the case presented by the prosecution including pictures taken of the scene, scatch diagrams and the doctor's examination report on the victim. The magistrate found the respondent guilty and convicted him. The respondent who was not represented by an advaocate and solicitor had appealed to the magistrate to be given a light sentence because he suffered from heart conditian and high blood pressure. The respondent was imprisoned for one day and fine RM4,000, if default, two months imprisonment. However, the prosecution was not satisfied and filed this appeal. Reasons for unsatisfactory punishment and sentencing by the magistrate were: (i) light punishment/sentencing; (ii) non-compliance of provision under s 354 of the Penal Code; (iii) a very serious offence; (iv) a sexual offence; (v) respondent's position outweighed public interest; and (vi) respondent was the biological grandfather to the victim and the victim was only three years old.]

Held, allowing the appeal, striking out the magistrate's punishment and sentencing the respondent to six years imprisonment:

(1) At the appeal stage, the court will only interfere or replace the punishment imposed by the magistrate court where found that the magistrate was wrong from the principle point of sentencing. Among the circumstances were: light or heavy sentencing, failure to take into account all relevant factors whether favouring the witness or vice versa and express fairness not carried out (see para 3).

(2) The guilty admittance must be taken into account with all other relevant facts and relevant circumstances which exist in the case. If the guilty confession was due to the fact that the accused had no defence, guilty confession by him was not a light sentence. The admission will only favour the accused if all facts and

circumstances about the guilt committed by him allows the court to do so (see para 4); *Public Prosecutor v Govindnan a/l Chinden Nair* [1998] 2 MLJ 181.

(3) The person willing to commit such offence for the very reason to satisfy their own desire over their biological grandchild, aged only three years old clearly reflects a disreputable person (see para 5).

(4) As regards public interest, the magistrate does not directly take interets of the victim who is the respondent's grandchild aged 3 years during the accident. Eventhough the magistrate stated the words 'public interest' three times in his judgment, the whole content of the judgment can only take into account the respondent's interest only. From the point of law, children are given special position and are protected comprehensively from all angles (see para 6).

(5) Children are the hope and future of a country. They are the group most exposed and are unable to protect themselves from unwanted and unintentional actions as well as abuse by irresponsible people. The court must, therefore, take into account the recognition of the judgment that seksual abuse on children must be looked at from the point of public interest as this is a serious offence (see para 6–7).

(6) In this case, it was clear that the magistrate had misdirected himself. What must be taken into account was the victim's reputation which was molested by the respondent and not vice versa (see para 8).

(7) The magistrate had taken into account the age and the respondent's health in reducing the sentence. When committing the said offence, repondent himself realised his health but was still willing to commit the offence. Therefore, the respondent, by right, should experience the punishment meted out for the offence committed from the point of law. If old age and health reasons are accepted as an ingredient to light punishment, the court will give a wrong description to the public that old and aged people are given special treatment if found convicted. By right, old age will make one more matured as regards thinking power and experience (see para 9).

(8) The respondent is not a teenager whom the court could accept as immature as regards thinking power and experience. The court can give consideration on the wrongdoings of teenagers in order to give them an opportunity to correct their behaviour and to return to society with the help to change their lifestyle and destroy criminal violence. But for one who has exceeded sixty years, if at that age, the respondent commits an offence, moreover a cruel one, the rehabilitation factor will be too late to be taken into account and the immature thinking consideration may not be used (see para 10).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai hukuman setimpal, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) paras 3102–3131.

Untuk kes-kes mengenai pengakuan bersalah, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) paras 3626–3652.

Kes-kes dirujuk

Lee Say & Ors v PP [1985] 2 CLJ 155 (dirujuk)
Loh Hock Seng v PP [1980] 2 MLJ 13 (dirujuk)
PP v Datuk Haji Harun bin Haji Idris (No.2) [1977] 1 MLJ 15 (dirujuk)
PP v Govindnan a/l Chinden Nair [1988] 2 MLJ 181 (diikut)
PP v Khairuddin [1982] 1 MLJ 331 (dirujuk)
PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256 (dirujuk)
PP v Low Kok Wai [1988] 3 MLJ 123 (dirujuk)
PP v Muthu Subramaniam Seeniserval [2000] 7 CL] 236 (dirujuk)
PP v Oo Leng Swee & Ors [1981] 1 MLJ 247 (dirujuk)
PP v Teh Ah Cheng [1976] 2 MLJ 186 (dirujuk)
R v Boyd [1980] 2 Cr App R (s) 234 (dirujuk)
R v Costen [1989] II Cr App R (s) 182 (dirujuk)
Sau Soo Kim v PP [1975] 2 MLJ 134 (dirujuk)
Wong Kai Chuen v PP [1991] 1 MLJ 321 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kanak-Kanak 2001
Akta Kesahtarafan 1961
Akta Keterangan 1950
Akta Membaharui Undang–Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976
Akta Pendaftaran Anak Angkat 1952
Akta Penjagaan Budak-Budak 1961
Kanun Keseksaan s 354

Azeezi bin Nordin (Timbalan Pendakwa Raya) (Jabatan Peguam Negara) bagi pihak perayu.
Tuan Pengarah (Jabatan Penjara Malaysia) bagi pihak responden.

Zainal Adzam H:

[1] Responden dalam kes ini telah dihadapi dengan pertuduhan di bawah s 354 Kanun Keseksaan kerana menggunakan kekerasan jenayah ke atas seorang kanak-kanak berumur tiga tahun dengan niat untuk mencabul kehormatan kanak-kanak tersebut. Responden telah mengaku salah kepada pertuduhan tersebut dan telah juga mengakui fakta kes yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan termasuk gambar-gambar tempat kejadian, rajah kasar dan laporan pemeriksaan doktor ke atas mangsa. Fakta kes adalah sepertimana berikut:

> Pada 16 Oktober 2002 jam lebih kurang 6.30 petang, pengadu memeriksa kemaluan anaknya, nama Niza Lidiya bte Helmi, umur tiga tahun, (mangsa) selepas mandi di rumah No 92-B Kg Ayer Putih Serdang, Kedah. Mangsa telah mengadu kepada ibunya mengenai kemaluannya yang sakit. Pengadu mengesyaki iaitu datuk mangsa (bapa pengadu) telah melakukan perkara tersebut. Ekoran kejadian tersebut, pengadu membuat laporan polis sepertimana Serdang report no 807/02.
>
> Siasatan telah dijalankan oleh C/Insp Zakiah bte Saad, Pegawai Penyiasat IPD Bandar Baharu, mangsa telah dihantar ke Hospital Daerah Kulim untuk pemeriksaan lanjut. Tertuduh telah ditangkap pada 17 Oktober 2002 di rumah tempat kejadian. Hasil soal

siasat selanjutnya mendapati kejadian berlaku semasa ibu mangsa berada di bahagian dapur dan mangsa mengikut tertuduh ke dalam sebuah bilik di dalam rumah tersebut.

Tertuduh telah menggunakan jarinya dengan menggosokkan pada kemaluan mangsa sehingga menyebabkan kemaluan mangsa menjadi kemerahan dan terasa sakit. Kejadian tersebut telah disedari setelah ibu mangsa memandikannya (mangsa) dan mengelap pada bahagian sulit tersebut dan mendapati terdapat kesan kemerahan pada kemaluan mangsa. Hasil pemeriksaan pegawai perubatan, mendapati terdapat kesan merah (labia minora) pada kemaluan mangsa, Ruj: (1011/02) DLM. HK/PRP/LP. Hasil siasatan didapati tertuduh melakukan kesalahan sepertimana pertuduhan.

[2] Majistret yang bijaksana telah mendapati responden bersalah dan telah sabitkannya atas pertuduhan tersebut. Responden yang tidak diwakili oleh peguambela telah merayu kepada majistret untuk dijatuhkan hukuman ringan kerana beliau mengidapi sakit jantung serta darah tinggi. Responden telah dihukum penjara satu hari dan denda RM4,000 jika ingkar dua bulan penjara. Pihak pendakwa raya telah tidak berpuas hati dan telah memfailkan rayuan ini. Alasan-alasan pihak pendakwa raya tidak berpuas hati dengan hukuman dan alasan penghakiman majistret, dengan ringkas, adalah seperti berikut:.

(1) hukuman yang dikenakan terlalu ringan;

(2) tidak mematuhi peruntukan s 354 Kanun Keseksaan;

(3) kesalahan yang serious;

(4) kesalahan seksual;

(5) mempertimbangkan kedudukan responden melebihi kepentingan awam;

(6) responden adalah datuk kandung kepada mangsa dan mangsa hanya berumur tiga tahun.

Daripada alasan penghakiman majistret yang bijaksana berikut, dengan ringkas, merupakan perkara-perkara dalam pertimbangannya:

1. Responden telah mengaku salah

Perkara ini telah diambil kira sebagai meringankan hukuman terhadap responden berasaskan prinsip-prinsip dalam kes *R v Boyd* (1980) 2 Cr App R (s) 234 dan kes *Sau Soo Kim v Public Prosecutor* [1975] 2 MLJ 134.

2. Maruah responden

Majistret telah menyatakan bahawa '... kes ini bukan sahaja melibatkan maruah mangsa tetapi ia juga melibatkan maruah tertuduh sendiri...'

3. Umur dan kesihatan responden

Majistret telah mengambil kira bahawa responden semasa hukuman dijatuhkan berusia 64 tahun 10 bulan dan mengidapi penyakit jantung dan darah tinggi.

4. Kepentingan awam

Majistret telah merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256 dimana Mahkamah Tinggi telah menyatakan:

A ... The correct approach is to strike a balance, as far as possible, between the interest of the public and the interest of the accused....

Kes *Public Prosecutor v Muthu Subramaniam Seeniserval* [2000] 7 CL] 236 juga telah dirujuk di mana mahkamah memutuskan:

B ... The accused should not be made a scapegoat for others because crime has become more rampant in our country. Each case must be viewed from its particular facts and circumstances...

Majistret telah juga merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Khairuddin* [1982] 1 MLJ 331 untuk menyatakan bahawa mahkamah mempunyai budi bicara untuk bersikap sederhana dengan syarat wujud keadaan-keadaan peringan dan ianya adalah
C demi kepentingan awam untuk berbuat demikian.

[3] Pada peringkat rayuan, mahkamah akan hanya campur tangan atau menggantikan hukuman yang telah dikenakan oleh mahkamah majistret apabila mendapati bahawa mahkamah majistret telah tersilap daripada segi prinsip dalam
D menjatuhkan hukuman yang dikenakan. Antara keadaannya ialah: hukuman yang nyata terlalu ringan atau terlalu berat; kegagalan rnengambil kira faktor-faktor yang relevan sama ada menyebelahi tertuduh atau sebaliknya; dan keadilan nyata tidak dilakukan. Setelah meneliti alasan penghakiman majistret, saya dapati bahawa ada beberapa perkara yang relevan daripada segi prinsip dalam kes ini yang salah
E dipertimbangkan oleh majistret yang bijaksana.

[4] Pertama adalah mengenai pengakuan salah oleh responden. Pengakuan salah perlu diambil kira dengan lain-lain fakta dan keadaan yang relevan yang wujud dalam kes berkenaan. Sekiranya pengakuan salah adalah akibat tertuduh memang tidak ada
F apa-apa pembelaan, pengakuan salah olehnya tidak merupakan perkara yang boleh meringankan hukuman. Pengakuan salah juga akan hanya memihak kepada tertuduh sekiranya semua fakta-fakta dan keadaan mengenai kesalahan yang dilakukannya membenarkan mahkamah berbuat demikian. Augustine Paul PK telah menyatakan kedudukannya dalam kes *Public Prosecutor v Govindnan a/l Chinden Nair* [1988] 2 MLJ 181 pada ms 192 sedemikian:

G

... In my opinion, a guilty plea ought to be considered in favour of the accused only when all other factors and circumstances surrounding the commission of the offence justify such a consideration. Its application in favour of the accused depends on the circumstances of each case (see *Wong Kai Chuen Philip v PP* [1991] 1 ML] 321. In *PP v Low Kok Wai* [1988] 3 ML] 123, Mohamed Dzaiddin] (as he then was) said at p 124:

H

... In the present case, the only mitigating factor is the accused's plea of guilt. It is a principle of sentencing that whenever possible the court should take into account as a mitigating factor the fact that the accused had pleaded guilty. The extent to which a plea of guilty is a mitigating factor must depend on the facts of each case and it cannot be a powerful
I mitigating factor when effectively no defence to the charge was available to the accused (see *Archbold (42nd Ed) para 4-480 citing R v Davis* [1980] 2 Cr App (s) 168)

The severity of the offence committed may outweigh the mitigating effect of a guilty plea (see *Lee Say & Ors v Public Prosecutor* [1985] 2 CL] 155; Loh Hock Seng v Public Prosecutor [1980] 2 ML] 13; Public Prosecutor v Oo Ung Swee & Ors [1981] 1 ML] 247). Where

public interest demands a deterrent sentence in the circumstances of a particular case, then the effect of such a plea must also give way. In this regard, I refer to *R v Costen* [1989] II Cr App R (s) 182 (S) 182 where Lord Lane said at p 184:

But there are certain exceptions, likewise well authenticated in the authorities, to that general rule that discount will be allowed for a plea of guilt. The first and most important exception is the protection of the public. Where it is necessary that a long sentence, if necessary the maximum sentence, should be passed in order to protect the public, in those circumstances, a plea of guilt may not result in any discount.

Thus, there can be no automatic rule that a guilty plea on its own entitles an accused to a lesser punishment.

It is my view that the learned magistrate, in imposing the sentence, had placed undue emphasis on the guilty plea of the accused. His opinion that a lenient sentence must be imposed following a guilty plea is clearly wrong in law. It overlooks the fact that the plea must be considered in the light of the other circumstances of the case.

[5] Kedua adalah mengenai maruah responden. Daripada fakta kes, responden telah menggunakan jarinya dan menggosokkan kemaluan mangsa sehingga kemaluan mangsa kemerahan dan merasa sakit. Mangsa merupakan cucu perempuan responden sendiri yang berumur hanya tiga tahun semasa kejadian. Orang yang sanggup melakukan kesalahan sedemikian semata-mata untuk menjamu nafsunya ke atas cucunya sendiri yang berumur hanya tiga tahun jelas merupakan orang yang langsung tidak bermaruah. Oleh yang demikian saya tidak faham apakah maruah responden yang diambil kira oleh magistrate. Kesalahan tersebut merupakan perbuatan yang langsung tidak masuk akal dan keji serta yang tidak akan diterima oleh masyarakat umum.

[6] Mengenai kepentingan awam, saya dapati bahawa majistret langsung tidak mengambil kira kedudukan mangsa yang merupakan cucu responden yang hanya berumur tiga tahun semasa kejadian. Walaupun majistret telah menyatakan perkataan-perkataan 'kepentingan awam' tiga kali dalam alasan penghakimannya, keseluruhan alasan penghakimannya hanya mengambil kira kepentingan responden sahaja. Di sisi undang-undang kanak-kanak diberi kedudukan istimewa dan dilindungi secara komprehensif daripada semua segi. Sepertimana kita semua mengetahui kanak-kanak merupakan harapan dan masa hadapan sesebuah negara. Mereka merupakan golongan yang paling terdedah dan tidak mampu melindungi diri daripada perbuatan-perbuatan yang tidak diingini serta penganiayaan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Justeru itu, demi memelihara kepentingan kanak-kanak, Parlimen telah menggubal banyak perundangan khas untuk mengawal dan melindungi kanak-kanak. Antara perundangan-perundangan itu ialah Akta Kanak-Kanak 2001, Akta Penjagaan Budak-Budak 1961, Akta Kesahtarafan 1961 dan Akta Pendaftaran Anak Angkat 1952.

[7] Selain daripada itu ada terdapat peruntukan-peruntukan khas yang melindungi kepentingan kanak-kanak dalam beberapa perundangan. Contoh-contohnya boleh didapati dalam Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, Kanun Keseksaan dan Akta Keterangan 1950. Oleh yang demikian,

A mahkamah perlu mengambil pengiktirafan kehakiman bahawa kesalahan seksual ke atas kanak-kanak semestinya merupakan daripada segi kepentingan awam satu kesalahan yang amat serius. Dalam kes ini, mangsa yang hanya berumur tiga tahun sudah tentunya mengalami trauma dan kejutan yang ngeri serta kesan psikologikal yang sukar dilupakan sepanjang hayatnya. Mangsa sebagai seorang cucu sepatutnya
B mendapat kasih sayang dan perlindungan daripada datuknya tetapi sebaliknya telah dipaksa mengalami perbuatan keji oleh datuknya sendiri.

[8] Dalam keadaan kes ini adalah jelas bahawa majistret telah salah arah dalam pertimbangannya. Yang patut diambil kira iaiah maruah mangsa yang dicabuli oleh responden dan bukan sebaliknya kepentingan responden yang merupakan seorang
C yang tidak bermaruah. Oleh yang demikian, saya bersetuju dengan penghujahan timbalan pendakwa raya bahawa majistret telah memberi pertimbangan terlalu lebih kepada responden dan langsung tldak mengambil kira kepentingan awam. Memang menjadi prinsip yang jelas dan diulangi berkali-kali oleh mahkamah bahawa dalam menjatuhkan hukuman kepentingan awam merupakan fakta yang utama yang perlu
D diambil kira.

[9] Majistret juga telah mengambil kira umur dan keadaan kesihatan responden dalam meringankan hukuman. Semasa melakukan kesalahan tersebut responden sendiri menyedari keadaan kesihatannya tetapi masih sanggup melakukan kesalahan
E tersebut. Oleh yang demikian, responden sepatutnya sanggup juga menghadapi hukuman yang akan dikenakan bagi kesalahan itu di sisi undang-undang. jika umur yang lanjut dan keadaan kesihatan diterima sebagai unsur meringankan hukuman mahkamah akan memberi gambaran dan isyarat yang salah kepada masyarakat umum bahawa orang-orang tua dan uzur diberi keistimewaan khas jika disabit atas apa-apa kesalahan. Sepatutnya umur tua akan membuat seseorang itu lebih matang
F daripada segi pemikiran dan kelakuannya.

[10] Responden bukan seorang remaja yang boleh dianggap oleh mahkamah masih belum matang daripada segi pemikiran dan pengalaman. Mahkamah boleh memberi pertimbangan kesalahan-kesalahan oleh para remaja bagi tujuan memberi peluang
G mereka memperbetulkan akhlak mereka supaya kembali ke pangkuan masyarakat dengan bantuan supaya menukarkan cara hidup dan menghapuskan kecenderongan berjenayah. Tetapi bagi seorang yang berumur melebihi enam puluh tahun, jika pada tahap umur sedemikian responden sanggup melakukan kesalahan, lebih-lebih lagi kesalahan yang keji, unsur pemulihan telah terlalu lewat untuk diambil kira dan
H pertimbangan pemikiran yang tidak matang tidak terpakai. Sekali lagi, umur yang lanjut tidak langsung halang responden daripada melakukan kesalahan berkenaan. Oleh yang demikian, responden sepatutnya sanggup menerima akibat kesalahan yang dilakukan olehnya.

[11] Apa-apa kesulitan daripada segi kesihatan yang dialami oleh responden atas
I hukuman bagi kesalahan yang dilakukannya adalah akibat perbuatan responden sendiri. Kesulitan akibat hukuman yang dikenakan oleh mahkamah juga telah dibangkitkan oleh responden dalam kes rayuan jenayah *Public Prosecutor v Teh Ah Cheng* [1976] 2 ML] 186 pada ms 187 dan dalam kes tersebut Abdoolcader H telah menyatakan sedemiktan:

> ... The respondent also puts forward in his plea in mitigation the fact that he is employed and supports an aged mother and step-brothers. He should of course have thought of this before committing the offences and not after; he is in fact pleading hardship arising from the consequences of his own acts and I would reiterate what I had occasion previously to observe in another case that an offender should not expect to excite or harness any sympathy on *an ipse dixit* by taking the stance of the impetuous youth who killed his parents with an axe and then pleaded in mitigation that he was an orphan...

Semua orang perlu menghormati dan mematuhi undang-undang, sama ada mereka tua, muda, sakit atau sihat. Sepertimana dinyatakan oleh Raja Azlan Shah H dalam kes *Public Prosecutor v Datuk Haji Harun bin Haji Idris (No 2)* [1977] 1 MLJ 15:

> I repeat what I said before – the law is no respecter of person

[12] Satu lagi perkara yang tidak diambil kira oleh majistret dalam kes ini ialah kesan kecederaan kepada kemaluan mangsa. Mengikut fakta kes ibu mangsa mendapati kecederaan kepada kemaluan mangsa pada 16 Oktober 2002 selepas mangsa dimandikan olehnya. Mangsa diperiksa oleh doktor pada esoknya (17 Oktober 2002) dan doktor telah mengesahkan ada kecederaan (*Redness at the right labia minora seen* dan... *soft tissue Injury*...) kepada kemaluan mangsa. Ini bermakna bahawa kecederaan yang dilakukan kepada kemaluan mangsa oleh responden merupakan kecederaan yang agak serius kerana masih terdapat kesan kecederaan sehari selepas kejadian. Peninggalan oleh majistret atas perkara yang relevan ini sepatutnya merupakan faktor yang memberatkan hukuman dalam kes ini.

[13] Berasaskan semua perkara-perkara yang saya telah menyatakan, saya dapati bahawa majistret telah salah arah daripada beberapa segi dalam penetapan prinsip kepentingan awam kerana telah mengambil kira perkara-perkara yang salah dan telah tidak mengambil kira perkara yang relevan dalam menjatuhkan hukumannya terhadap responden. Pengakuan salah oleh responden sepatutnya diambil kira dalam konteks faktor-faktor sepertimana saya telah sebutkan. Oleh yang demikian, rayuan oleh pendakwa raya dibenarkan dan hukuman oleh majistret dibatalkan. Responden sebaliknya dihukum penjara enam tahun.

Rayuan dibenarkan.

Reported by AG Kalidas